

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila CEO 1MDB, Arul Kanda Kandasamy meletakkan jawatan dan adakah ia kerana penipuan dalam IPIC dan Aabar yang melibatkan USD3.5 bilion, sebab perletakan jawatan ditolak oleh Lembaga Pengarah 1MDB sedangkan kesemua ahli lembaga pengarah telahpun letak jawatan. Macam mana faedah USD50 juta dibayar bila IPIC enggan berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa Menteri

Kewangan Diperbadankan (MKD) sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporan mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB antaranya:

- i. MKD telah mengesahkan menerima tawaran peletakan jawatan Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 31 Mei 2016 dan akan melantik Lembaga Pengarah yang baharu sementara Encik Arul Kanda akan kekal sebagai Presiden 1MDB sehingga notis selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC. Justeru itu, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion. Oleh hal yang demikian, adalah masih terlalu awal untuk merumuskan bahawa terdapat penipuan dalam transaksi/urusan berkaitan 1MDB dan IPIC.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikut pertikaian di antara 1MDB dan IPIC, 1MDB mahupun anak syarikatnya, 1MDB Energy (Langat) Limited (“Bon Langat”) dan 1MDB Energy Limited (“Bon Energy”) masih belum membuat pembayaran faedah bon dan kini berada di dalam situasi ingkar (*default*, dengan izin) mengikut terma-terma Bon Langat dan Bon Energy. Justeru itu, pihak IPIC telah menjelaskan pembayaran faedah bon-bon tersebut di bawah peruntukan Jaminan IPIC.